



**PENGUMUMAN TERKINI:
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DAN PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) DI UNIVERSITI TENAGA NASIONAL**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Di dalam Perutusan Khas bertarikh 11 Januari 2021, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Perdana Menteri Malaysia, telah mengumumkan pelaksanaan **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari 13 Januari 2021 hingga 26 Januari 2021** berikutan penularan wabak COVID-19 yang semakin membimbangkan. Perintah ini melibatkan tiga peringkat pelaksanaan seperti berikut:

- i. PKP ke atas enam (6) buah negeri iaitu Pulau Pinang, **Selangor**, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan), Melaka, Johor dan Sabah.
- ii. PKP Bersyarat (PKPB) ke atas enam (6) buah negeri iaitu **Pahang**, Perak, Negeri Sembilan, Kedah, Terengganu dan Kelantan.
- iii. PKP Pemulihan (PKPP) pula akan dilaksanakan bagi negeri Perlis dan Sarawak dan akan diteruskan sepanjang tempoh tersebut.

Sehubungan itu, pihak Pengurusan UNITEN telah mengambil inisiatif untuk menguatkuasakan langkah-langkah berikut (**bermula 13 Januari 2021**) selaras dengan arahan terbaru Kerajaan Malaysia. Edaran ini terpakai untuk **anggota kerja UNITEN di Kampus Putrajaya dan Kampus Sultan Haji Ahmad Shah (KSHAS)**.

A. BEKERJA DARI RUMAH (*WORK FROM HOME*)

Semua anggota kerja UNITEN adalah diarahkan untuk bekerja dari rumah (***WORK FROM HOME***) dalam tempoh PKP/PKPB. ***WORK FROM HOME*** bermaksud pelaksanaan kerja dari kediaman yang lazim dan boleh dipanggil semula bertugas apabila diperlukan. Masa bekerja untuk ***WORK FROM HOME*** adalah mengikut waktu kerja rasmi UNITEN.



Sewaktu **WORK FROM HOME** :

- i. Anggota kerja perlu berada dalam keadaan yang sentiasa boleh dihubungi menerusi apa jua bentuk saluran komunikasi.
- ii. Ketua Jabatan / Penyelia bertanggungjawab untuk menyusun tugas berdasarkan kesesuaian anggota kerja yang bekerja dari rumah serta memantau dari semasa ke semasa.
- iii. Anggota kerja tidak dibenarkan pulang ke kampung halaman dan sentiasa perlu berada dalam keadaan bersiap sedia sekiranya diminta hadir ke tempat kerja.
- iv. Sekiranya terdapat keperluan untuk hadir ke tempat kerja atau sekiranya diarahkan, anggota kerja perlu mendapatkan kebenaran dari Ketua Jabatan/ Penyelia masing-masing dan UNITEN *Covid19 Taskforce*. Surat kebenaran akan dikeluarkan oleh Jabatan Sumber Manusia.
- v. Sekiranya anggota kerja tidak dapat melaksanakan tugas dari rumah sepertimana yang diperlukan, anggota kerja perlu memohon cuti tahunan/ cuti sakit sepertimana prosedur yang sedia ada.
- vi. Garis panduan ini juga terpakai untuk anggota kerja lantikan anak syarikat/ Pembantu Penyelidik/ Felo Penyelidik dan Pasca Kedoktoran.
- vii. Anggota kerja adalah dikehendaki untuk merekodkan kehadiran waktu bekerja menggunakan sistem MySHIELD.

Walau bagaimanapun, anggota kerja yang berkhidmat di bawah Jabatan Keselamatan, Jabatan Pembangunan Fasiliti (FDM) dan Jabatan Perkhidmatan IT & Multimedia (ITMS), Unit Penginapan Jabatan Hal-Ehwal Pelajar dan lain-lain jabatan yang menyediakan perkhidmatan penting (*essential services*) adalah tertakluk kepada arahan kerja lazim atau arahan Ketua Jabatan/ Penyelia.

B. PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P)

- i. Pelaksanaan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) **untuk permulaan Semester II 2020/21** akan dijalankan secara dalam talian (*virtual*) sepenuhnya untuk semua program.
- ii. Anggota kerja akademik dibenarkan menyesuaikan penyampaian pengajaran secara *synchronous* dan *asynchronous* atau lain-lain cara yang sesuai untuk mengatasi masalah capaian internet (sekiranya perlu).
- iii. Pelajar yang terlibat dengan latihan industri perlu mematuhi garis panduan syarikat tempat latihan industri dijalankan.



C. PENGINAPAN PELAJAR

- i. Pelajar-pelajar yang yang tidak pulang ke kampung semasa cuti semester dan sedang menginap di Kelompok Penginapan UNITEN adalah dibenarkan untuk terus kekal berada di dalam kampus UNITEN.
- ii. Kemasukan semula pelajar yang telah pulang ke kampung semasa cuti semester ke Kelompok Penginapan UNITEN adalah ditangguhkan sehingga pertengahan bulan Februari 2021 seperti yang diperincikan di dalam Edaran Pelajar No. 1/2021 – STAD / C19(E) 08012021 – *Students Returning to Campus and Conduct of Courses For Semester II 2020/2021* bertarikh 8 Januari 2021.
- iii. Kafeteria di dalam kampus akan terus beroperasi seperti biasa sepanjang tempoh PKP/PKPB untuk perkhidmatan *take-away*.
- iv. Pelajar dibenarkan keluar kampus hanya untuk urusan penting dari jam 7.00 pagi sehingga 7.00 petang dengan memohon kebenaran daripada Pengetua Kelompok.

D. URUSAN BERKAITAN PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN

- i. Semua aktiviti penyelidikan dan perundingan di makmal-makmal dan di lapangan **perlu ditangguhkan sepanjang tempoh PKP / PKPB**, kecuali aktiviti penyelidikan dan perundingan yang **sangat kritikal** dan mendapat kebenaran khas daripada Naib Canselor.
- ii. Pengarah Institut Penyelidikan (*Research Institutes*) dan Ketua Projek hendaklah memastikan pemantauan yang berterusan dan pematuhan SOP berkaitan, bagi aktiviti penyelidikan dan perundingan kritikal yang dibenarkan.

E. KAWALAN KELUAR / MASUK KAMPUS DAN PERKHIDMATAN LAIN

- i. Laluan pintu keluar/ masuk ke kampus adalah dihadkan kepada laluan pintu masuk utama sahaja dari jam 7.00 pagi sehingga 7.00 malam
- ii. Semua fasiliti utama kampus seperti kompleks sukan, pusat pelajar, *UNITEN Customer Centre (UCC)*, masjid, makmal-makmal, perpustakaan dan makmal komputer akan ditutup.



F. PELAKSANAAN PROJEK OLEH KONTRAKTOR DI UNITEN

- i. Semua projek oleh kontraktor lantikan UNITEN / TNB **perlu ditangguhkan sepanjang tempoh PKP / PKPB**, kecuali projek yang **sangat kritikal** dan mendapat kebenaran khas.
- ii. Pelaksanaan projek oleh kontraktor lantikan UNITEN / TNB yang diberi kebenaran adalah tertakluk kepada pematuhan penuh SOP – *Pelaksanaan Kerja-Kerja Projek TNB / UNITEN Semasa dan Selepas Tempoh PKPB / PKPP Berikutan Wabak COVID-19* bertarikh 2 November 2020.
- iii. Pihak Pemula / Pengurus Projek adalah bertanggungjawab untuk memastikan kontraktor mematuhi SOP ini sepenuhnya.

Semua anggota kerja adalah diingatkan agar sentiasa menjaga kesihatan, mengelak daripada mengunjungi tempat-tempat yang sesak seperti menghadiri majlis keraian (*social gathering*), majlis perkahwinan, majlis keagamaan, mesyuarat, seminar, kursus dan aktiviti sukan secara berkumpulan serta mengamalkan kawalan sendiri iaitu mengamalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter, memakai pelitup muka, kerap mencuci tangan dengan air dan sabun / *hand sanitizer* dan juga mematuhi segala SOP lain yang disarankan oleh KKM dan MKN.

UNITEN akan mengeluarkan pemakluman lanjut kepada anggota kerja dari semasa ke semasa. Semua anggota kerja juga diminta untuk mengambil maklum dan mematuhi arahan seperti yang telah ditetapkan. Semoga segala inisiatif yang diambil ini mendapat sokongan dan kerjasama semua bagi memastikan kesihatan dan kesejahteraan bersama. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi 03-89212019 atau emel covid19taskforce@uniten.edu.my.

Sekian, terima kasih.

Prof. Dato' Ir. Dr. Kamal Nasharuddin bin Mustapha, FASc
Naib Canselor
Universiti Tenaga Nasional
12 Januari 2021